



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 23 Februari 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Jalan Petaling digempur KPDN kali keempat

Pegawai penguat kuasa KPDN melakukan pemeriksaan dalam serbuan di Jalan Petaling, Selasa lalu. (Foto: Ihsan KPDN)



Dua wanita tempatan ditahan, rampas 6,250 unit barang tiruan

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jalan Petaling di sini, yang menjadi antara lokasi panas penjualan barangan tiruan diserbu buat kali keempat oleh pihak berkuasa menerusi Op Putra 4.0, Selasa lalu.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kuala Lum-

pur, Ariffin Samsudin, berkata operasi itu dijalankan hasil risikan dijalankan selama dua minggu.

Beliau berkata, menerusi serbuan di 12 premis stor berkenaan, KPDN menyita 6,250 unit barangan yang dipercayai tiruan terdiri daripada beg, dompet dan beg tangan serta jam tangan berjenama disyaki dipakaikan cap dagangan secara salah di bawah Akta Cap Dagangan 2019 dengan nilai sitaan dianggarkan RM300,000.

Katanya, serbuan menerusi Ops Putra 4.0 dilaksana KPDN Putrajaya bersama KPDN Kuala Lumpur dan Selangor dan turut disertai Jabatan Imigresen Malaysia, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur serta wakil cap dagangan.

"Dua wanita tempatan yang

mengaku sebagai pemilik stor berkenaan turut ditahan. Serbuan ini kali keempat dilakukan di lokasi sama sejak Mac 2023 susulan laporan dikeluarkan oleh United States Trade Representative (USTR) mengenai penjualan barangan tiruan yang berleluasa di Jalan Petaling," katanya ketika ditemui pada Majlis Pelupusan Mega bertempat di Kompleks Sentral Segambut di sini, semalam.

Lakukan siasatan lanjut

Menurut Ariffin, hasil maklumat risikan pihaknya mendapati semua barangan ini diperolehi dari negara luar dan semua stok ini bagi tujuan penjualan kepada pelancong asing yang datang ke Jalan Petaling dan juga kepada warga tempatan bagi persediaan

menyambut Aidilfitri.

"Semua barangan yang disita ini akan dijual pada harga RM80 sehingga RM1,000 seunit.

"Maklumat yang diperoleh juga mendapati sepasang kasut tiruan berjenama dijual dengan harga RM100 sehingga RM600 dan harga kos antara RM50 sehingga RM300 bergantung kepada kualiti barangan," katanya.

Ariffin berkata, pihaknya kini sedang menjalankan siasatan lanjut ke atas semua pihak yang terlibat mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Darpada Aktiviti Haram 2001 (AMLA/TFPUA 2001).

"Statistik kita menunjukkan, bagi 2023 sehingga kini, 135 kes terhasil mengikut Akta Cap Da-

gangan 2019, Akta Perihal Dagangan 2011 dan Akta Hak Cipta 1987 dengan nilai rampasan berjumlah RM4 juta membabitkan sitaan barangan 100,000 unit," katanya.

Menurutnya, KPDN Kuala Lumpur akan terus mempergiatkan aktiviti penguatkuasaan undang-undang Harta Intelek di bawah Akta Cap Dagangan 2019, Akta Perihal Dagangan 2011 dan Akta Hak Cipta 1987 secara berterusan dalam membanteras penjualan barangan tiruan.

Dalam pada itu, pihaknya juga mengah-alukan kerjasama berterusan daripada wakil Pemilik Cap Dagangan yang berdaftar bagi meningkatkan lagi kerjasama berterusan untuk membanteras aktiviti pengedaran serta penjualan barangan tiruan di pasaran.

Seludup petroleum, negara rugi RM4.5 juta sehari

Oleh **SURAIDAH ROSLAN**
utusannews@mediamulia.com.my

KOTA KINABALU: Negara berdepan kerugian kira-kira RM4.5 juta sehari akibat penyeludupan keluar produk petroleum seperti diesel dan RON95.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, perkara itu didedahkan dalam laporan yang diterbitkan Majlis Perniagaan EU-Asean mengenai isu penyeludupan terbesar dihadapi di Malaysia iaitu produk petroleum.

"Berdasarkan kajian yang dikeluarkan EU-Asean, mereka melaporkan sebanyak tiga juta liter petroleum diseludup keluar dari Malaysia setiap hari."

"Namun, laporan itu tidak menyebut jumlah kerugian yang terlibat," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan penutupan bengkel penyelarasan tanggungjawab membanteras ketirisan barang kawalan bersama agensi penguatkuasaan negeri Sabah, di sini semalam.

Jumlah tiga juta liter petroleum itu dianggarkan bernilai RM4.5 juta.

Menurut beliau, bagi mengatasi



Berdasarkan kajian yang dikeluarkan EU-Asean, mereka melaporkan sebanyak tiga juta liter petroleum diseludup keluar dari Malaysia setiap hari."



masalah ketirisan dan penyeludupan, kementerian itu melaksanakan Op Tiris bagi membanteras penyelewengan minyak diesel bersubsidi yang menyebabkan kerugian kepada negara.

Katanya, tindakan pihak tidak bertanggungjawab menyeludup minyak bersubsidi itu menyebabkan bahan api tersebut tidak sampai kepada mereka yang layak menerimanya.

"Berdasarkan statistik pen-

guatkuasaan di bawah Op Tiris 1.0 dan 2.0 yang mula dilaksanakan pada 2023, sebanyak 6.4 juta liter minyak diesel dirampas dengan nilai sejumlah RM14.2 juta.

"Bagi tempoh sama, sejumlah 877 kes direkodkan termasuk 386 kes serahan agensi dengan nilai rampasan keseluruhan berjumlah RM42.1 juta.

"Sepanjang pelaksanaan Op Tiris 1.0 dan 2.0, sebanyak 32 kes direkodkan di Sabah bagi tem-

poh yang sama dengan rampasan bernilai RM1.05 juta. Seramai 668 orang ditahan termasuk 554 orang warga tempatan, 112 orang warga asing dan dua penduduk tetap," katanya.

Menurut beliau, berikutan kejayaan positif yang ditunjukkan dalam pelaksanaan Op Tiris 1.0 dan 2.0 pada 2023, pelaksanaan penguatkuasaan diteruskan melalui Op Tiris 3.0 pada tahun ini.

Armizan berkata, sepanjang penguatkuasaan Op Tiris 3.0 bermula 1 Januari hingga 15 Februari, sejumlah 3,257 pemeriksaan telah dijalankan di seluruh negara dan menghasilkan sebanyak 330 kes dengan nilai rampasan sebanyak RM5.15 juta.

Ia membabitkan rampasan minyak diesel sebanyak RM4.76 juta, petrol RON95 sebanyak RM90,611, gas petroleum cecair (LPG) sebanyak RM154,189, minyak masak sebanyak RM107,759 dan gula sebanyak RM35,737.

Seramai 65 individu juga telah ditahan bagi siasatan lanjut di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122]. Bagi tempoh sama, sebanyak 29 kes direkodkan di Sabah dengan jumlah rampasan barang kawalan bernilai RM192,845.

Jual ayam murah, tapi 'tipu' timbangan

KOTA BHARU: Taktik licik peniaga ayam yang menjual bahan mentah itu dengan harga murah, namun menipu timbangan terbongkar selepas diserbu anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan, kelmarin.

Serbuan pukul 10.30 pagi di Jalan Pasir Hor di sini itu dilakukan bersama Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) selepas perkara tersebut tular dalam laman sosial sejak beberapa hari lalu.

Pengarahnya, Azman Ismail berkata, pemeriksaan yang dijalankan mendapati, peniaga terbabit menggunakan alat timbang sukat elektronik yang tidak disahkan bagi tujuan perdagangan.

"Terdahulu sepasukan anggota telah membuat penyamaran sebagai pengguna dan mendapati timbangan awal daripada penjual tidak menepati serta meragukan kuantiti atau berat yang dijual.

"Oleh itu, kita dapati peniaga itu telah melanggar Akta Timbang dan Sukat 1972," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Azman memberitahu, pada masa sama, MPKB-BRI turut mengambil tindakan undang-udangan ke atas peniaga tersebut di bawah bidang kuasa mereka.

Babitkan 3,257 pemeriksaan dengan merekodkan 330 kes ketirisan

RM5.15j barang kawalan dirampas

Oleh IVAN AMIRUL

KOTA KINABALU – Sebanyak RM5.15 juta nilai rampasan direkodkan membabitkan minyak diesel, petrol RON95, gas petroleum cecair (LPG), minyak masak peket, dan gula putih bertapis sepanjang pelaksanaan Ops Tiris 3.0 di seluruh negara bermula 1 Januari sehingga 15 Februari lalu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, menerusi jumlah itu, sebanyak RM4.76 juta adalah rampasan melibatkan minyak diesel, petrol RON95 (RM90,611), LPG (RM154,189), minyak masak (RM107,759) dan gula sebanyak RM35,737.

"Semua hasil rampasan berkenaan adalah membabitkan 3,257 pemeriksaan dan merekodkan 330 kes ketirisan.

"Selain itu, seramai 65 individu juga telah ditahan bagi siasatan lanjut di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122).



ARMIZAN (dua dari kanan) menyampaikan sijil penghargaan kepada wakil agensi penguatkuasaan di Kota Kinabalu semalam. – IVAN AMIRUL

"Dalam pada itu, di negeri Sabah sahaja telah mencatatkan sebanyak 221 pemeriksaan dengan

bilangan 29 kes dan jumlah rampasan barang kawalan bernilai RM192,845," katanya pada sidang

akhbar selepas menyempurnakan Bengkel Penyelarasan Tanggungjawab Membanteras Ketirisan

Barang Kawalan Bersama Agensi-Agensi Penguatkuasaan Sabah, di sini semalam.

Mengulas lanjut, Armizan memaklumkan, sebanyak 15,927 pemeriksaan telah dilakukan di seluruh negara merangkumi stesen minyak, pemborong, pengilangan, kuari, pos kawalan dan lain-lain premis sepanjang penguatkuasaan Ops Tiris 1.0 dan 2.0 yang dilaksanakan bermula 1 Mac sehingga 31 Disember 2023.

Menurutnya, statistik yang direkodkan memperlihatkan sejumlah 877 kes termasuk 386 kes serahan agensi telah dihasilkan dengan kuantiti rampasan sebanyak 6,441,118 liter minyak diesel bernilai RM14.2 juta, manakala nilai rampasan selain diesel berjumlah RM42.1 juta.

"Seramai 554 orang warga tempatan, 112 orang warga asing dan dua orang penduduk tetap telah ditahan yang menjadikan jumlah keseluruhan 668 orang tangkapan di seluruh negara," tambahnya.

KPDN Kelantan menyamar jadi pelanggan

Jual ayam murah, tapi tipu timbangan

Oleh MUHAMMAD AYMAN
GHAFFA

KOTA BHARU – Taktik seorang peniaga di Jalan Pasir Hor di sini, yang kononnya menjual ayam proses pada harga murah, namun menipu timbangan terbongkar selepas premisnya diserbu penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan kelmarin.

Serbuan itu dijalankan pihak KPDN bersama Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) pada pukul 10.30 pagi selepas taktik peniaga tersebut tular di media sosial beberapa hari lalu.

Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail berkata, sepasukan anggota KPDN sebelum ini menyamar sebagai pembeli dan mendapati timbangan awal daripada penjual itu tidak menepati kuantiti atau berat yang dijual.

Menurutnya, pemeriksaan mendapati, peniaga terbabit menggunakan alat timbang sukat elektronik yang tidak disahkan untuk tujuan perdagangan.

"Tindakan itu menunjukkan bahawa peniaga ayam proses tersebut melanggar Akta Timbang dan Sukat 1972.

"MPKB-BRI turut mengambil



PREMIS yang kononnya menawarkan harga ayam proses murah, tetapi menipu timbangan di Jalan Pasir Hor, Kota Bharu. – IHSAN KPDN

tindakan undang-undangan ke atas peniaga itu di bawah bidang kuasa mereka," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Azman memberitahu, semua pengguna diminta untuk terus

tampil membuat sebarang aduan khususnya melibatkan kenaikan harga barangan keperluan dan jualan harga yang mengelirukan mengikut saluran rasmi disediakan.



ANTARA lokasi panas penjualan barangan tiruan diserbu buat kali keempat oleh pihak berkuasa menerusi Op Putra 4.0.

4 kali diserbu!

Lokasi barang tiruan di Jalan Petaling digempur

Oleh Nurul Hidayah
Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Jalan Petaling di sini, yang menjadi antara lokasi panas penjualan barangan tiruan diserbu buat kali keempat oleh pihak berkuasa menerusi Op Putra 4.0, kelmarin.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kuala Lumpur, Ariffin Samsudin berkata, operasi itu dijalankan hasil risikan dijalankan selama dua minggu.

Katanya, operasi itu turut disertai pihak KPDN Putrajaya dan Selangor selain jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta wakil pemilik cap dagangan.

"Operasi ini adalah kali keempat dijalankan sejak Mac 2023 kerana terdapat laporan dikeluarkan oleh United States Trade Representative (USTR) mengenai penjualan barangan tiruan berleluasa di Jalan Petaling.

"Dalam operasi ini, kami menyerbu 12 stor yang dijadikan tempat penyimpanan barang disyaki tiruan terdiri daripada jam tangan, kasut, beg tangan dan dompet berjenama.

"Susulan itu, kami menyita 6,250 barang disyaki

tiruan termasuk beg, dompet, beg tangan dan jam tangan berjenama dianggarkan bernilai RM300,000," katanya di Majlis Pelupusan Mega KPDN Kuala Lumpur di Kompleks Sentral Segambut di sini, semalam.

Ariffin berkata, kesemua barang itu disita mengikut Akta Cap Dagangan 2019 kerana disyaki menggunakan cap dagangan secara salah.

"Dalam serbuan ini, kami turut menahan dua wanita tempatan yang mengaku sebagai pemilik stor berkenaan.

"Berdasarkan maklumat, barangan itu diperoleh dari negara luar sebelum dijual kepada pelancong warga asing yang berkunjung ke Jalan Petaling selalu dibekalkan kepada warga tempatan sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri nanti.

"Kita juga mendapati sepasang kasut tiruan berjenama dijual antara harga RM100 sehingga RM600 dan harga kos pula adalah antara RM50 sehingga RM300 bergantung kepada kualiti barangan," katanya.

Beliau berkata, pihaknya menyiasat semua pihak yang terbabit di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA/PPUAA 2001).

"Dalam operasi sama,

pihak JIM Kuala Lumpur menahan 10 warga asing terdiri daripada lapan lelaki dan dua wanita kerana gagal mengemukakan maklumat pengenalan diri semasa pemeriksaan dijalankan.

"Pihak DBKL turut mengeluarkan enam notis kompaun kerana melanggar akta berkaitan pihak berkuasa tempatan (PBT)," katanya.

Katanya, sebanyak 135 kes direkodkan di bawah Akta Cap Dagangan 2019, Akta Perihal Dagangan 2011 dan Akta Hak Cipta 1987 membabitkan 100,000 barang bernilai RM4 juta pada tahun lalu.

"Dalam Op Jeriji pula, seramai 30 individu ditahan setakat ini atas kesalahan berkaitan dengan harta intelek sepanjang tahun lalu.

"Kami akan terus mempergiatkan aktiviti penguatkuasaan undang-undang harta intelek di bawah Akta Cap Dagangan 2019, Akta Perihal Dagangan 2011 dan Akta Hak Cipta 1987 secara berterusan dalam membantas penjualan barangan tiruan.

"Kami mengalu-alukan kerjasama berterusan daripada wakil pemilik cap dagangan berdaftar bagi meningkatkan kerjasama berterusan untuk membantas aktiviti pengedaran serta penjualan barangan tiruan di pasaran," katanya.

Rugi RM4.5 juta sehari, 3 juta liter diesel diseludup

Hasil kajian peringkat
antarabangsa menerusi
Majlis Perniagaan
EU-ASEAN

Oleh ASYIKIN ASMIN
KOTA KINABALU

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali memaklumkan negara mengalami kerugian sebanyak RM4.5 juta sehari atas ketirisan tiga juta liter diesel yang diseludup ke luar negara setiap hari.

Beliau berkata, jumlah itu diperoleh hasil kajian yang diterbitkan di peringkat antarabangsa menerusi Majlis Perniagaan EU-ASEAN.

"Laporan itu menyebut bahawa tiga juta liter minyak diseludup keluar daripada Malaysia setiap hari dan sebanyak RM4.5 juta sehari kerugian.

"Walaupun tidak disebut dalam kajian yang dilakukan tetapi antara isu penyeludupan di Malaysia ini adalah melibatkan diesel RON95," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan majlis penutupan Bengkel Penyelarasan Tanggungjawab Membanteras Ketirisan Barang kawalan Bersama Agensi Penguatkuasaan di Sabah di sini pada Khamis.

Malah menurut beliau lagi, berdasarkan statistik penguatkuasaan di bawah Ops Tiris 1.0 dan 2.0 yang dilaksanakan pada 2023, sebanyak 15,927 pemeriksaan telah dijalankan di seluruh negara merangkumi stesen minyak, pemborong, pengilang, kua-



Armizan menyampaikan sijil penghargaan kepada wakil agensi penguatkuasaan yang hadir pada majlis penutupan bengkel di Sabah.

ri, pos kawalan dan lain-lain premis.

"Sejumlah 877 kes termasuk 386 kes serahan agensi telah dihasilkan dengan kuantiti rampasan sebanyak 6,441,118 liter minyak diesel bernilai RM14.2 juta, manakala nilai rampasan selain diesel berjumlah RM42.1 juta.

"Seramai 554 warga tempatan, 112 warga asing dan dua penduduk tetap telah ditahan yang menjadikan jumlah keseluruhan 668 orang dan bagi Sabah, sebanyak 1,026 pemeriksaan telah dilaksanakan dengan sejumlah 32 kes telah dihasilkan dengan nilai rampasan sebanyak RM1.05 juta dalam tempoh Ops Tiris 1.0 dan 2.0 dilaksanakan," katanya.

Tambah Armizan lagi, berdasarkan kejayaan positif yang telah ditunjukkan dalam pelaksanaan kedua-dua Ops Tiris itu menyebabkan penguatkuasaan diteruskan melalui OPS Tiris 3.0.

"Sepanjang penguatkuasaan Ops Tiris 3.0 bermula 1 Januari hingga 15 Februari lalu, sejumlah 3,257 pemeriksaan telah dijalankan di seluruh negara dan berjaya menghasilkan sebanyak 330 kes dengan nilai rampasan sebanyak RM5.15 juta membabitkan rampasan minyak diesel sebanyak RM4.76 juta, petrol RON95 sebanyak RM90,611, gas petroleum cecair (LPG) sebanyak RM154,189, minyak masak sebanyak RM107,759 dan gula sebanyak RM35,737.

"Seramai 65 individu juga telah ditahan bagi siasatan lanjut di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122). Manakala di Sabah, 221 pemeriksaan telah dilakukan dengan bilangan kes yang dihasilkan sebanyak 29 dan jumlah rampasan barang kawalan bernilai RM192,845," jelasnya.

Tawar harga ayam murah tapi tipu timbangan



Pemeriksaan pegawai KPDN terhadap sebuah premis perniagaan runcit ayam di Kg Padang Enggan mendapati peniaga menggunakan alat timbang sukat elektronik yang tidak ditentukan untuk tujuan perdagangan.

KOTA BHARU - Taktik licik seorang peniaga di Jalan Pasir Hor, Kampung Padang Enggan di sini yang disyaki menawarkan harga ayam murah dengan menipu timbangan berjaya dihidu oleh penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) pada Rabu.

Pengarahnya, Azman Ismail berkata, serbuan bersama Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-Bri) dijalankan selepas tindakan peniaga itu tular di laman sosial.

"Pemeriksaan pada jam 10.30 pagi dijalankan terhadap premis perniagaan runcit ayam tersebut mendapati peniaga menggunakan alat timbang sukat elektronik yang tidak ditentukan untuk tujuan perdagangan.

"Tindakan itu dikesan di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Menurut beliau, terdahulu anggota

KPDN telah membuat penyamaran sebagai pengguna dan membuat uji beli awal.

Menurut beliau, hasil penyamaran berkenaan mendapati timbangan awal daripada penjual tidak menepati serta meragukan kuantiti atau berat yang dijual kepada pengguna.

Azman memberitahu, tindakan kes juga diambil kerana melanggar perundangan di bawah penguatkuasaan MPKB-Bri.

"KPDN Kelantan menasihatkan pengguna agar tampil untuk membuat sebarang aduan khususnya melibatkan kenaikan harga barangan keperluan, jualan harga yang mengelirukan atau ketidakpatuhan peniaga mengikut saluran rasmi disediakan kementerian.

"Kami berharap pengguna dan peniaga mewujudkan situasi perdagangan yang harmoni untuk mengukuhkan ekonomi negara," katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Tribunal dismisses woman's RM3,000 claim against caterer over lack of food

By ZAZALI MUSA

metro@thestar.com.my

JOHOR Baru Consumer Claims Tribunal dismissed a housewife's claim for RM3,000 against a caterer for failing to deliver satisfactory services at her children's wedding.

Khalidah Johari, from Kampung Air Merah, Mersing, Johor, who was dissatisfied with the caterer's services, filed a case with the tribunal.

Khalidah had hosted two weddings simultaneously – for her son and daughter.

The breakdown for the RM3,000 claim was RM2,400 for not getting the food ordered and RM600 for shame and embarrassment suffered.

The claimant said she had ordered food for 400 guests, priced at RM12 per person, totaling RM4,800 for the wedding on Dec 16, 2023.

"The wedding lunch started at

noon but the main table for both couples was not even ready at 12.08pm," said the 60-year-old claimant during the hearing before tribunal president Hafez Zalkapli.

The claimant said 120 guests turned up for lunch at noon and the food had run out by 12.45pm.

Khalidah said besides buying fried chicken, she had to serve guests dishes cooked by her family.

She claimed that the respondent delivered three instead of four containers of rice, which was not enough to feed her guests.

"The RM600 claim is for causing shame and embarrassment as the respondent had ruined the wedding lunch," she said.

After hearing from the respondent, however, Hafez dismissed Khalidah's claim.

Respondent Faridah Khalid, 54, when met, said the claimant

ordered food for 400 guests at an agreed price of RM4,800.

"She also ordered dishes for the main table for the wedding couples and desserts of *bubur kacang* and *terigu* for guests," said the respondent.

The proprietor of Gee Catering and Supplier in Mersing said the extra orders raised the amount to RM5,200 from RM4,800.

Faridah said the RM12 per person price was for *nasi minyak*, white rice, *ayam masak merah*, *daging briyani*, *acar timun*, oranges, two types of *kuih* and syrup drink.

"The extra dishes, for the main table, were *ikan masak tiga rasa* and prawns for eight guests (including the brides and grooms)," she added.

She admitted that she delivered three containers of rice but the 10kg rice in each container was sufficient for 150 guests.

"I asked the claimant many times whether the food ordered



Faridah says she had advised the claimant to order extra food for the joint wedding.

was enough for 400 guests.

"I also advised her to order extra for another 100 guests including children," said the respondent, who has been in the catering business for over 30 years.

Faridah said the claimant paid a RM200 deposit before paying RM3,000 via online bank transfer and RM2,000 on Dec 16, 2023.

For details on tribunal matters, call 07-227 1755/1766.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Tetapkan harga beras gred tunggal RM35 sekampit

Beras import tiga kali mahal

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

ARAU: Kesukaran mendapatkan bekalan beras tempatan di pasaran berlarutan sehingga pengguna terpaksa membeli beras import pada harga tiga kali ganda lebih tinggi menjadi faktor keperluan penetapan gred tunggal beras.

Harga beras import ketika ini bagi berat 10 kilogram (kg) adalah sekitar RM40 hingga RM42, iaitu perbezaan antara RM14 sehingga RM15 berbanding beras tempatan, RM26.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Dibuk Sdn. Bhd., Ezreen Muhaizi Marzuki berkata, perbezaan harga beras tempatan dengan import menjadi terlalu tinggi selepas India menyekat eksport tahun lepas.

Menurutnya, keadaan bertambah buruk apabila beras tempatan terus diletak pada harga siling RM26 bagi berat 10kg tanpa ada perbincangan dengan pihak industri dan petani.

Beliau berkata, perbezaan harga beras tempatan dengan import sebelum India membuat sekatan hanya berlegar sekitar RM5 ke RM6, iaitu jika beras tempatan RM26, beras import RM32.

Jelasnya, itu adalah julat perbezaan harga yang 'harmoni' dan stabil untuk pemegang taruh dalam industri pada masa itu.

"Ia juga adalah julat harga yang tidak menggalakkan penipuan gred beras oleh pemborong yang tamak seperti berlaku



BERAS import memenuhi pasar raya dan kedai berbanding beras tempatan yang terlalu sukar ditemui di sekitar Arau, Perlis, semalam. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

ketika ini. Untuk mereka pada masa itu, nilai tersebut tidak sepadan dengan risiko dan kos-kos 'gelap' perlu dikeluarkan.

"Bagaimanapun, apabila perbezaan harga beras tempatan dan import mencecah sehingga RM14 ke RM15 di kedai, iaitu perbezaan tiga kali ganda daripada perbezaan harga 'harmoni', ia menjadi tidak terkawal kerana banyak pemborong sudah 'merah mata'.

"Jadi, indeks perbezaan harga 'harmoni' perlu dikembalikan dan kerana itu juga dicadang-

kan harga beras tempatan atau beras gred tunggal tersebut diselaraskan kepada harga RM35 yang sesuai dengan harga beras import sekarang, iaitu sekitar RM40 ke RM42 bagi berat 10kg," katanya.

Semalam, akhbar ini melaporkan, rakyat tiada pilihan apabila terpaksa membeli beras putih import (SSI) dengan harga lebih mahal berikutan sukar menemui beras putih tempatan (SST) dijual termasuk di pasaran Lembah Klang.

Menyedari perkara itu,

Pengerusi Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, kesukaran menemukan beras tempatan berlaku angkara kartel.

Menurutnya, ada pihak dalam industri beras atau kartel dipercayai cuba mengaut keuntungan daripada beras putih tempatan yang selama ini dijual pada harga RM26.

Dalam pada itu, tinjauan *Utusan Malaysia* di pasar raya dan kedai di sini mendapati beras import sahaja memenuhi rak.

Syarikat pemborong diesel didenda RM95,000

Ipoh: Sebuah syarikat pemborong minyak diesel didenda RM95,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam selepas pengarah syarikat itu mengaku bersalah atas pertuduhan menjual barang kawalan berjadual kepada syarikat tidak berlesen dua tahun lalu.

Hakim Azizah Ahmad menjatuhkan hukuman itu selepas Chin Kah Hei, 30, yang mewakili Chin Kok Keong Trading membuat pengakuan dan memerintahkan hukuman penjara enam bulan jika gagal membayar denda berkenaan.

Kah Hei yang juga merupakan rakan kongsi perniagaan syarikat itu, yang memegang lesen borong, didakwa menjual 10,920 liter diesel kepada Syarikat K2 Bitumen Sdn Bhd yang tidak mempunyai lesen atau kelulusan bertulis daripada Pegawai Bekalan di Taman Perindustrian Tungzen, Kampung Kepayang, Batu Gajah kira-kira 8 pagi hingga 5 petang, 28 Disember 2022.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Peraturan 9 (2) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 yang merupakan kesalahan di bawah Peraturan 21(1) Peraturan-Peraturan sama dibaca bersama Seksyen 22(4) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 22 (1) Akta Kawalan Bekalan 1961.

Jika sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan kesalahan berulang memperuntukkan denda maksimum RM3 juta atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya. BERNAMA

Fined for selling diesel to unlicensed company

IPOH: A diesel wholesaler company was fined RM95,000 by the sessions court yesterday after recording a guilty plea to a charge of selling diesel, which is a scheduled controlled item, to an unlicensed company two years ago.

Judge Azizah Ahmad imposed the penalty on Chin Kah Hei, the director of Chin Kok Keong Trading, and further ordered a six-month prison term if he failed to settle the fine.

Chin, a business partner at the company, was

charged with selling 10,920 litres of diesel to K2 Bitumen Sdn Bhd, which did not have a license or written approval from the supply officer at Taman Perindustrian Tungzen, Kampung Kepayang in Batu Gajah, between 8am and 5pm on Dec 28, 2022.

The charges were filed under Regulation 9(2) of the Control of Supplies Regulations 1974, and is punishable by a maximum fine of RM1 million or imprisonment of up to three years or both.

— Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 23 FEBRUARI 2024

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
23-Feb	KPDN Kuala Lumpur lupus barangan rampasan bernilai RM1.2 juta	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1215469/kpdn-kuala-lumpur-lupus-barangan-rampasan-bernilai-rm12-juta	BERITA HARIAN
23-Feb	KPDN lupus pelbagai barangan bernilai RM1.2 juta	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/02/1063193/kpdn-lupus-pelbagai-barangan-bernilai-rm12-juta	HARIAN METRO
23-Feb	Jalan Petaling diserbu buat kali keempat	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1063167/jalan-petaling-diserbu-buat	HARIAN METRO
23-Feb	KPDN Kuala Lumpur lupus rampasan bernilai RM1.2 juta	https://www.utusan.com.my/berita/2024/02/kpdn-kuala-lumpur-lupus-rampasan	UTUSAN MALAYSIA
23-Feb	KPDN KELANTAN AMBIL TINDAKAN KEATAS PENIAGA AYAM	https://www.mkn.gov.my/web/ms/2024/02/22/kpdn-kelantan-ambil-tindakan-keatas-peniaga-ayam/	MAJLIS KESELAMATAN NEGARA
23-Feb	Tawar harga ayam murah tapi tipu timbangan	https://www.sinarharian.com.my/article/650754/edisi/kelantan/tawar-harga-ayam	SINAR HARIAN
23-Feb	Jual ayam murah, tapi 'tipu' timbangan	https://www.utusan.com.my/berita/2024/02/jual-ayam	UTUSAN MALAYSIA
23-Feb	Tak serik tipu berat ayam	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1063150/	HARIAN METRO
23-Feb	Konon jual ayam murah, padahal tipu alat penimbang	https://www.kosmo.com.my/2024/02/22/konon-jual-ayam-murah-padahal-tipu-alat-penimbang/	KOSMO

23-Feb	Jual ayam murah, tapi 'tipu' timbangan	https://www.malay.news/jual-ayam-murah-tapi-tipu-timbangan/	MALAY NEWS
23-Feb	SYARIKAT PEMBORONG JUAL DIESEL KEPADA SYARIKAT TIDAK BERLESEN DIDENDA RM95,000	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2272516	BERNAMA
23-Feb	Jual diesel kepada syarikat tak berlesen, pemborong didenda	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1063209/jual-diesel-kepada-syarikat-tak-berlesen-pemborong-didenda	HARIAN METRO
23-Feb	Bintulu food vendors attend briefing for Ramadan bazaar	https://www.theborneopost.com/2024/02/22/bintulu-food-vendors-attend-briefing-for-ramadan-bazaar/	THE BORNEO POST
23-Feb	Lebih RM5 juta barangan bersubsidi diseleweng berjaya dirampas: Armizan	https://thesun.my/cerita/berita/lebih-rm5-juta-barangan-bersubsidi-diseleweng-berjaya-dirampas-armizan-BA12129811	THE SUN
23-Feb	Negara tanggung kerugian RM4.5 juta ekoran ketirisan 3 juta liter diesel setiap hari	https://www.kosmo.com.my/2024/02/22/negara-tanggung-kerugian-rm4-5-juta-ekoran-ketirisan-3-juta-liter-diesel-setiap-hari/	KOSMO
23-Feb	RM4.5 million daily loss to smuggling of petroleum products	https://www.theborneopost.com/2024/02/22/rm4-5-million-daily-loss-to-smuggling-of-petroleum-products/	THE BORNEO POST
23-Feb	Minister: Over RM5m in subsidised goods seized from January 1 to February 15	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/02/22/minister-over-rm5m-in-subsidised-goods-seized-from-january-1-to-february-15/119462	MALAY MAIL
23-Feb	Ops Tiris 3.0: Over RM5 mln in subsidised goods seized — Armizan	https://www.nst.com.my/news/nation/2024/02/1016556/ops-tiris-30-over-rm5-mln-subsidised-goods-seized-%E2%80%94-armizan	NEW STRAITS TIMES

23-Feb	LEBIH RM5 JUTA BARANGAN BERSUBSIDI DISELEWENG BERJAYA DIRAMPAS - ARMI-ZAN	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2272616	BERNAMA
23-Feb	Lebih RM5 juta barangan bersubsidi diseleweng, cuba diseludup keluar berjaya dirampas	https://selangorkini.my/2024/02/lebih-rm5-juta-barangan-bersubsidi-diseleweng-cuba-diseludup-keluar-berjaya-dirampas/	SELANGOR KINI
23-Feb	OPS TIRIS 3.0: KPDN berjaya merekodkan 330 kes, nilai rampasan RM5.15 juta	https://sabahmedia.com/2024/02/22/ops-tiris-3-0-kpdn-berjaya-merekodkan-330-kes-nilai-rampasan-rm5-15-juta/	SABAH MEDIA
23-Feb	Lebih RM5 juta barangan subsidi diseleweng dirampas	https://malaysiagazette.com/2024/02/22/lebih-rm5-juta-barangan-subsidi-diseleweng-dirampas/	MALAYSIA GAZETTE
23-Feb	Lebih RM5 juta barangan subsidi diseleweng dirampas	https://themalaytribune.com/lebih-rm5-juta-barangan-subsidi-diseleweng-dirampas/	THE MALAY TRIBUNE
23-Feb	KPDNK lupus barang rampasan bernilai RM1.2 juta	https://malaysiagazette.com/2024/02/22/kpdnk-lupus-barang-rampasan-bernilai-rm1-2-juta/	MALAYSIA GAZETTE
23-Feb	KPDNK lupus barang rampasan bernilai RM1.2 juta	https://www.malay.news/kpdnk-lupus-barang-rampasan-bernilai-rm1-2-juta/	MALAY NEWS
23-Feb	12 stor barang tiruan di Jalan Petaling digempur KPDN	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1215562/12-stor-barang-tiruan-di-jalan-petaling-digempur-kpdn	BERITA HARIAN
23-Feb	Jalan Petaling digempur, barangan tiruan RM300,000 disita	https://www.sinarharian.com.my/article/650866/berita/semasa/jalan-petaling-digempur-barangan-tiruan-rm300000-disita	SINAR HARIAN